

**PEMBENTUKAN IMEJ GEOMETRI DAN CITRA BUDAYA DALAM
TENUNAN TUBAU MASYARAKAT IRANUN DI KOTA BELUD**
**CREATION OF GEOMETRICAL AND CULTURAL IMAGES IN THE
TUBAU WEAVE OF THE IRANUN AT KOTA BELUD**

Siti Halizah binti Mudin¹

Zaimie Sahibil²

Friscilla Saimun³

*Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Universiti Malaysia Sabah¹⁻³
sitihalizahm@gmail.com¹, affymie@ums.edu.my², friscillasaimun@gmail.com³*
Tarikh dihantar: 15 Jun 2019 / Tarikh diterima: 10 Ogos 2019

ABSTRAK

Kepelbagai etnik di Sabah memaparkan identiti tersendiri dari segi kraf tangan yang dihasilkan. Seni kraf tangan merupakan antara penyumbang terbesar dalam bidang seni di Sabah. Kraftangan yang amat popular di Sabah ialah tenunan, ukiran, sulaman dan anyaman. Sebagai contoh, tenunan kain destar etnik Iranun berfungsi sebagai *tubau* atau tengkolok yang menjadi pelengkap pakaian tradisional. Kerencaman kraf tangan dan faktor asimilasi budaya yang telah berlaku ratusan tahun dahulu menyebabkan kekeliruan pemakaian, keaslian dan identiti kain destar (*tubau*) etnik Iranun. Hal ini berlaku kerana pemakaian *tubau* turut dikongsi bersama dalam semua majlis keramaian dalam kalangan pelbagai etnik sebagai pelengkap pakaian. Justeru, kajian ini diusahakan untuk menjelaskan keaslian dan identiti kain destar (*tubau*) etnik Iranun. Identiti dan keaslian corak *tubau* diperinci berdasarkan teori geometri yang membahagikan kepada tiga kategori corak iaitu a) cerminan (*reflection*), b) translasi (*translation*) dan c) putaran (*rotation*). Analisis data tentang kategori corak dan motif kain destar berperanan untuk memaparkan nilai budaya yang mempunyai signifikannya dengan nilai intrinsik dan pembentukan corak. Kajian ini tertumpu di dua perkampungan Iranun, iaitu Kampung Rampaian Laut dan Kampung Rampaian Ulu di daerah Kota Belud, Sabah. Data-data kajian diperoleh melalui kaedah temu bual, audio visual dan pemerhatian, selain buku, artikel, laman sesawang, surat khabar dan jurnal. Kajian ini mendapati bahawa corak dan motif tenunan *tubau* Iranun adalah berdasarkan representasi objek yang diilhamkan daripada alam flora, fauna, objek di sekeliling dan aktiviti harian mereka, sekali gus menjelaskan aktiviti budaya dan jati diri mereka. Kajian ini dapat dimanfaatkan sebagai ilmu pengetahuan dan rujukan untuk generasi muda.

Kata kunci: Etnik Iranun, motif, pola tenunan, corak geometri, nilai budaya.

ABSTRACT

Craft art is one of the largest contributors in Sabah. Ethnic diversity in Sabah presents its own identity in terms of handicraft. The most popular handicrafts in Sabah are weaving, carving and embroidery. For example, Iranun ethnic woven destar fabrics serve as a tubau or headcover that complement the traditional clothing. The severity of craftsmanship and cultural assimilation factor took place hundreds of years ago led to the confusion of the use originality and identities of Iranun destar fabric (tubau). This is because tubau is also used in all festivals among various ethnic groups as a complement to traditional clothing. Therefore, this research was conducted to clarify the authenticity and identities of the Iranun destar fabric (tubau). The identity and originality of the tubau pattern are determined by the geometric theory which divides into three categories of a) reflection, b) translation and c) rotation. The analysis of data on the category of patterns and motifs of the destar fabric plays a role in highlighting cultural values that are significant in terms of intrinsic value and pattern formation. This study is focused on two Iranun villages, which is Kampung Rampaian Laut and Kampung Rampaian Ulu in Kota Belud, Sabah. The study data were obtained through interviews, audio visual and observation methods, beside information through books, articles, websites, newspapers and journals. This study found that the patterns and motifs of the Iranun weaving are based on the representation of objects inspired by the flora, fauna, surrounding objects and their daily activities. Indirectly, explain their culture, identity and activities. This study can be used as a reference for the younger generation.

Keywords: Iranun ethnicity, motifs, weaving patterns, geometric patterns, cultural values.

PENGENALAN

Sabah terkenal dengan kepelbagaiannya etnik dan menampilkan hasil seni kraf tangan yang unik mengikut budaya masing-masing. Antara kraf tangan yang dihasilkan seperti tenunan, anyaman, ragam hias dan utiliti lain. Etnik Iranun merupakan masyarakat minoriti yang terkenal dengan pelbagai jenis tenunan. Sesetengah pendapat menyatakan asal usul mereka dari selatan Filipina, iaitu di Kepulauan Mindanao (Abdul Wahid, 2002: 56). Selain tenunan, etnik ini terkenal dengan produk anyaman, pertukangan tangan dan pembuatan logam. Majoriti etnik Iranun menetap di daerah Kota Belud, sebuah daerah yang terletak kira-kira 45km dari Kota Kinabalu. Penempatan di daerah ini dikongsi oleh pelbagai etnik lain seperti Dusun dan Bajau. Namun, masih terdapat beberapa kawasan dihuni oleh hampir semua penduduk dalam kalangan etnik Iranun.

Tubau atau tenunan destar dalam kajian ini biasanya dipakai pada majlis budaya seperti acara menunggang kuda, majlis keramaian, acara perkahwinan atau acara tarian. Kaum lelaki akan menggayakan *tubau* sebagai aksesori penutup kepala yang diperbuat daripada tenunan atau kain *magoh*. Aksesori pakaian tradisi ini dilengkapkan dengan penggunaan ragam hias seperti motif dan corak dalam pembuatannya. Motif dan corak yang biasa ditenun adalah imej yang bersifat geometri yang merujuk pada tumbuhan, daun, bunga atau objek persekitaran mereka. Penggunaan motif ini menjelaskan hubungan kehidupan penenun dengan kegiatan harian dan persekitaran mereka dalam menghasilkan imej tenunan kain *tubau* (destar).

Kain *tubau* [(Rajah 1 i-iii)] merupakan hasil tenunan yang dipopularkan oleh masyarakat Iranun. Bagaimanapun, etnik lain turut berkongsi budaya yang sama, iaitu menggunakan kain *tubau* (destar) sebagai perhiasan kepala bagi kaum lelaki. *Tubau* dikenali sebagai tengkolok dalam kalangan orang Melayu. *Siga* pula adalah panggilan bagi kaum Kadazandusun dan istilah *podong* dalam kalangan masyarakat Bajau.



Rajah 1 *Tubau* sebagai pelengkap busana tradisional lelaki

TENUNAN *TUBAU* ATAU *TINUBAU*


Istilah *tubau* adalah sebutan umum untuk jenis kain tenunan dalam masyarakat Iranun. Setalah dibentuk menjadi objek dan dipakaikan untuk penutup kepala, maka ia disebut sebagai *tinubau* (Humin Jusilin, 2010). Tenunan *tubau* merupakan kerja tangan yang diwarisi sejak zaman *Dong Son* (Jes A. Therik (Helmi), 2017: 71). Kemahiran menenun dalam kalangan orang Iranun dipercayai diwarisi daripada Cotabato, Mindanao, di selatan Filipina yang dibawa masuk ke negeri ini. Kain *tubau* biasanya menggunakan benang kapas yang berwarna hitam sebagai warna dasar untuk menghasilkan tenunan. Pelbagai jenis motif hiasan dipadankan dengan penggunaan benang berwarna kontras seperti merah, jingga, kuning, hijau dan putih [(Rajah 1 (i-iii) dan Rajah 6)]. Proses dan tradisi menghasilkan sehelai

tenunan *tubau* yang berkualiti perlu menggunakan benang kapas yang dikanji dan dicelupkan dalam pigmen pewarna. Benang tersebut seterusnya diikat dan diberus menggunakan sabut kelapa bagi melembut dan menghilangkan sisa kanji. Benang ini kemudiannya digulung yang dikenali sebagai proses menerai benang menggunakan alat *betera* (*spinning wheel*) untuk dijadikan benang loseng atau benang pakan. Tenunan *tubau* dihasilkan secara manual dengan menyilang setiap helaian benang menggunakan alatan *pagaulun* (kek manual). Lazimnya, kain *tubau* yang ditenun berukuran satu meter persegi. *Tubau* mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi pembuatan, pemilihan corak dan warna di samping memaparkan nilai ketelitian, ketekunan dan kesabaran penenun.

Pemakaian *tubau* dalam kalangan masyarakat Iranun dikaitkan dengan adat, semangat kepahlawanan dan pangkat seseorang. Sebagai contoh, pemakaian *tubau* sebagai pelengkap pakaian tradisi pada majlis perkahwinan manjelaskan signifikannya untuk menggambarkan status pengantin lelaki seperti *radia* (raja). Status kepahlawanan dan kemahiran pula digambarkan melalui pemakaian *tubau* semasa menunggang kuda.

STRUKTUR *TUBAU*

Struktur *tubau* terhasil melalui gabungan satah yang terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu ruang atas, ruang tengah dan ruang bawah (Rajah 2). Setiap satah dibentuk bercirikan imbalan simetri dari segi ukuran, warna dan reka letak motif. Permukaan tenunan *tubau* biasanya ditenun mengikut kreativiti penenun yang menampilkan pelbagai corak atau motif berulang. Bagaimanapun, pembentukan komposisi motif dan corak dipengaruhi oleh pembahagian satah pada tenunan *tubau*.



Rajah 2 Struktur *tubau*

MOTIF DAN CORAK

Antara motif yang sering digunakan dalam tenunan *tubau* ialah *anunan* (bunga), *unsud* (bunga manga), daun *apilak*, *siku-siku*, belimbing, *gapa sapin sapakan* (jantung pisang), kapas, *uris* Fatimah, *kalingon* (daun sapar), *kalingowan*, *ungkup* (penunggang kuda), *tuarah* (binatang) dan *torogan* atau *walai* (rumah). Pemilihan motif pada tenunan *tubau* lebih menjurus kepada motif flora, fauna, alam cakerawala, objek persekitaran dan kegiatan harian masyarakat Iranun. Idea dan konsep motif yang ditenun adalah representasi daripada alam persekitaran, aktiviti harian dan budaya mereka. Justeru, setiap penghasilan motif dan corak mempunyai pertalian dengan falsafah dan pemikiran. Biasanya citra budaya melalui representasi visual dikenali sebagai bahasa diam atau maksud tersirat (Edward T. Hall, 1959: 43).

Motif tenunan *tubau* terbentuk daripada jalinan benang pakan (menegak) dan loseng (melintang). Teknik jalinan benang secara tidak langsung menghasilkan jalur dan petak. Ragam hias yang berulang terbentuk dengan penggunaan prinsip rekaan perulangan dan imbalan simetri. Konsep imbalan dan perulangan corak menghasilkan motif yang bersifat cerminan (*reflection*), translasi (*translation*) dan putaran (*rotation*).


Aplikasi motif dalam tenunan *tubau* merangkumi motif primer dan sekunder. Motif primer ialah motif dominan yang ditegaskan dalam tenunan *tubau*, manakala motif sekunder merupakan motif hiasan atau pelengkap kepada motif dominan. Aplikasi pembentukan motif primer dan motif sekunder dalam tenunan *tubau* pula menghasilkan variasi corak yang bersifat translasi, cerminan dan putaran.

METODOLOGI

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan dua pendekatan atau teori untuk mencapai objektif kajian, iaitu Teori Panofsky dan Teori Geometri.

Teori Panofsky

Teori ini merujuk kepada pendekatan ikonografi yang mempersoalkan subjek dari segi maknanya sama ada tersurat dan tersurat. Pendekatan ini terbahagi kepada tiga peringkat yang dikenali sebagai objek natural atau primer, objek biasa atau sekunder dan peringkat makna intrinsik ataupun isi tersurat subjek yang dikaji. Data-data kajian ini mengaplikasikan ketiga-tiga peringkat untuk memerihal dan mengenal pasti konsep subjek, kategori motif dan pengaruh budaya dalam *tubau* Iranun. Rubrik pendekatan dinyatakan seperti dalam Rajah 3.



Rajah 3 Teori Panofsky (1970)


Kajian ini dipermudahkan dengan menggunakan pendekatan seperti pada Rajah 3. Peringkat pertama merupakan kupasan tentang ciri fizikal dan kajian visual. Peringkat ini biasanya dikaitkan dengan sejarah, peristiwa dan sifat visual pada subjek. Bentuk motif, rupa dan warna merupakan objek primari yang mempunyai sifat dan ciri tersendiri.

Peringkat sekunder pula lebih menjurus kepada analisis sifat motif berdasarkan unsur seni dan reka bentuk. Setiap motif dan komposisi reka letak yang dipilih memberi gambaran terhadap kecenderungan asas kepada pembentukan motif. Biasanya ia berdasarkan objek atau persekitaran budaya sesebuah masyarakat.

Peringkat terakhir ialah perbincangan tentang nilai intrinsik, iaitu menjelaskan secara mendalam tentang maksud dan kaitannya dengan pembentukan motif serta hubungannya dengan kehidupan atau citra budaya.

Teori Geometri


Teori Geometri yang dikategorikan oleh Martin G. E. (1982) dan Cederberg. Judith H. (2001: 103–116) membahagikan sifat geometrikal kepada ciri cerminan (*reflection*), translasi (*translation*) dan putaran (*rotation*). Berdasarkan ciri ini, kajian secara terperinci dijalankan untuk mengenal pasti pembentukan corak pada *tubau*. Pengkaji memilih tiga skema dalam pembentukan motif pada tenunan *tubau*, iaitu cerminan (*reflection*), translasi (*translation*) dan putaran (*rotation*) seperti Rajah 4 (i-iii).



Rajah 4 Teori Geometri

Pembentukan corak bersifat translasi bermaksud pengulangan bentuk motif dari segi jarak dan saiz yang sama melalui satu garis paksi seperti dalam Rajah 4 (i). Motif cerminan berlaku apabila ciri motif berulang berdasarkan satu garis paksi sebagai pusat pantulan seperti Rajah 4 (ii). Motif bersifat putaran pula berlaku apabila motif diolah secara berputar sehingga 360 darjah pada titik pusat atau paksi pada putaran motif seperti Rajah 4 (iii).

Perkaitan Teori



Rajah 5 Teori Panofsky dan Geometri


Rajah 5 merupakan justifikasi dan perkaitan Pendekatan Panofsky dan Teori Geometri. Analisis data primer seperti yang dijelaskan melalui Teori Panofsky diaplikasi untuk mengupas sifat fizikal pada motif, manakala data peringkat sekunder diaplikasi untuk menganalisis sifat dan bentuk motif berdasarkan srtuktur seni dan prinsip rekaan. Peringkat ini membantu penyelidik menyampaikan pernyataan visual secara ikonografi untuk mencetuskan makna intrinsik.

Teori Geometri pula diguna pakai untuk mengenal pasti kategori pembentukan motif. Motif yang dikenal pasti adalah berdasarkan tiga kategori, iaitu secara translasi, putaran dan cerminan. Nilai atau pengaruh budaya dianalisis berdasarkan interpretasi dan signifikannya dengan jenis pembentukan motif dan corak. Pada peringkat akhir analisis, pengkaji menyimpulkan makna intrinsik melalui Pendekatan Panofsky dan Teori Geometri seperti dalam (Rajah 5).


ANALISIS BENTUK DAN MOTIF TENUNAN *TUBAU*




Rajah 6 Tenunan *Tubau*




i) *Raun* (Daun)




ii) *Sumping*




iii) *Umbus* (Tunas)




iv) *Anunen*




v) *Bunga Kapas*




vi) *Kinayupu*




vii) *Tuarah*




viii)
Tuarah



ix) *Tuarah*



x) *Raun* (Daun)




xi) *Daun Ubi*




Rajah 7 Motif *tubau*

Rajah 7 (i–xi) memaparkan 11 jenis motif yang telah dikenal pasti terdapat pada tenunan *tubau*. Motif *umbus* [Rajah 7: (iii dan v)] merupakan representasi daripada pucuk atau tunas tumbuhan dan bunga kapas yang terdapat di persekitaran kediaman masyarakat Iranun. Imej bunga kapas adalah bahan terpenting untuk menghasilkan benang dan pakaian, manakala [Rajah 7: i dan xv)] dikenali sebagai motif *raun* (daun). Motif ini adalah adaptasi penenun terhadap beberapa jenis daun tumbuhan di persekitaran mereka. Motif daun mempunyai variasi bentuk dan penamaan yang berbeza. (Rajah 7: xi) menunjukkan daun ubi, iaitu merujuk pada aktiviti penanaman ubi kayu sebagai sumber makanan dan ekonomi masyarakat Iranun. Motif *anunen* pula merujuk pada simbol daun *sapar* yang ditenun secara putaran imej [Rajah 7: (vii, viii, ix, dan ii)]. Kebanyakan informan, menyatakan motif ini diolah melalui pengamatan penenun terhadap pandangan atas bunga di sekitar penempatan mereka. Representasi serangga turut dipaparkan melalui motif *kinaypu* atau rama-rama (Rajah 7: vi). Rama-rama adalah serangga yang dianggap lambang kecantikan dan menarik perhatian penenun untuk diadaptasi dalam tenunan *tubau*.

Rajah 8 adalah analisis formal pembentukan motif dan corak geometri pada tenunan *tubau* dan menjadi citra budaya dalam masyarakat Iranun.

MOTIF	PEMBENTUKAN CORAK GEOMETRI			ELEMEN FORMAL	CITRA BUDAYA
	Translasi	Cerminan	Putaran		
 <i>Raun (Daun)</i>				Harmoni Imbangan	<u>Harmoni</u> <ul style="list-style-type: none"> Putaran motif yang harmoni merujuk kepada kecekalan dalam pekerjaan harian. Kepekaan dan semangat kepahlawanan. <u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> Representasi alam dan daun sebagai herba perubatan, sayuran, pewarna dan bahan kraf.
 <i>Sumping</i>				Kesatuan Harmoni	<u>Kesatuan</u> <ul style="list-style-type: none"> Gambaran kepada sifat kesatuan sosial dalam aktiviti kehidupan. <u>Harmoni</u> <ul style="list-style-type: none"> Menunjukkan representasi terhadap jenis makanan, tanaman, masakan dan perubatan dalam kehidupan.

 <i>Umbus (Tunas)</i>				Haroni Imbangan	<u>Haroni</u> <ul style="list-style-type: none"> • Representasi tunas yang merujuk kepada generasi muda yang perlu taat pada adat dan budaya. <u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Penerapan sifat murni dalam keluarga dan masyarakat.
 <i>Anunen</i>				Haroni Imbangan Kesatuan	<u>Haroni</u> <ul style="list-style-type: none"> • Gabungan daun membentuk keharmonian yang menggambarkan kreativiti dan unsur kesatuan. <u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Imbangan motif simerti sinonim dengan nilai kesamarataan dalam kehidupan. <u>Kesatuan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Adaptasi daripada adat dan kesatuan keluarga dan masyarakat.
 <i>Bunga Kapas</i>				Haroni Imbangan	<u>Haroni</u> <ul style="list-style-type: none"> • Penggunaan motif berulang merujuk kepada kesatuan dalam tenunan <i>tubau</i>. <u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Imbangan merujuk pada keutuhan hubungan kekeluargaan.
 <i>Kinayupu</i>				Perulangan dan Pergerakan	<u>Perulangan dan pergerakan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Merujuk pada rutin harian dan pergerakan mencari rezeki untuk kehidupan harian.

 Tuarah				Imbangan Harmoni	<u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Merujuk pada nilai murni sebagai contoh yang baik untuk generasi muda. <u>Harmoni</u> <ul style="list-style-type: none"> • Populasi generasi muda diharap bersatu dalam tradisi dan warisan.
 Tuarah				Imbangan Harmoni	<u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Sifat motif berimbangan yang merujuk pada unsur kekuatan dan ikatan. <u>Harmoni</u> <ul style="list-style-type: none"> • Keharmonian motif merujuk kepada masyarakat yang bersatu padu.
 Tuarah				Imbangan Harmoni	<u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Imbangan motif merujuk pada kekuatan, keteguhan, kesatuan adat dan tradisi. <u>Harmoni</u> <ul style="list-style-type: none"> • Merujuk kepada keadaan yang aman dan damai.
 Daun	*****			Perulangan dan Pergerakan	<u>Perulangan dan Pergerakan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Perulangan motif menggambarkan susunan yang bersifat tinggi-rendah. • Kewujudan hierarki dan pangkat perlu disokong dengan nilai hormat, menghormati antara satu sama lain.
				Imbangan	<u>Imbangan</u> <ul style="list-style-type: none"> • Susunan motif bersifat perulangan segi empat menggambarkan kemahiran dan ketelitian terhadap sesuatu kerja.
Jumlah	5	5	3		

Rajah 8 Pembentukan motif formal dan citra budaya dalam tenunan *tubau*

Rumusan Pola Motif *Tubau* dan Budaya Etnik Iranun

Berdasarkan analisis tenunan *tubau*, motif yang dipaparkan pada keseluruhannya bersifat geometri. Motif dan corak geometri terhasil daripada penggunaan teknik susunan benang yang disilang antara satu warna dengan warna yang lain. Dalam tenunan *tubau*, jumlah imej geometri secara translasi dicatat berjumlah lima. Motif dari jenis imej cerminan juga dicatatkan dengan jumlah lima, manakala putaran imej pula dicatatkan dengan jumlah tiga. Pada umumnya, imej geometri yang membentuk motif merujuk kepada elemen formal seperti keharmonian,imbangan, kesatuan, perulangan dan pergerakan. Elemen formal dalam pembentukan motif *tubau* digambarkan oleh pereka dengan susunan maksud intrinsik dan berkait secara langsung dengan budaya mereka. Pola *tubau* secara tidak langsung menterjemahkan maksud dalam citra budaya yang menjurus kepada aktiviti harian mereka, iaitu dari segi nilai-nilai murni, adat, makanan, perubatan, tanaman atau kegiatan ekonomi harian mereka. Di samping itu, masyarakat yang dijelaskan dalam motif *tubau* ini amat mementingkan adat dan tradisi. Justeru, sekiranya adat mereka dipermainkan, mereka akan menentang habis-habisan untuk menegakkan kebenaran dan menjaga maruah.

KESIMPULAN

Tubau merupakan tenunan yang membentuk aksesori dalam pakaian tradisional yang merujuk pada identiti masyarakat Iranun. Pemilihan motif yang ditenun dalam *tubau* adalah gambaran falsafah dan pemikiran kreatif penenun dan masyarakatnya. Aktiviti tenunan *tubau* ketika ini semakin berkurangan akibat gerombolan teknologi moden. Kebanyakan reka bentuk motif mula diolah mengikut trend masa kini, menyebabkan keaslian motif semakin luput. Kajian seperti ini perlu dilestarikan agar dapat menjelaskan jati diri dan citra dalam budaya sebagai bahan rujukan generasi muda.

RUJUKAN

- Abdul Wahid, M. A. (2002). *Masyarakat Iranun*. Dewan Bahasa.
Cederberg, Judith, H. (2001). *A course in modern geometries*. New York: Springer Verlag.
Hall, E. T. (1959). *The silent language*. New York: Doubleday & Company Inc.
Helmi, J. A. (2017). *Ikat in eastern archipelago: An esoteric beauty of ancestral entity*.
Yogyakarta: Diandra Kreatif.
Humin Jusilin. (2010). Penggunaan tinubau dalam masyarakat Iranun di Sabah. *Jurnal Gendang Alam*, 1.

- Humin Jusilin. (2013). *Kajian ikon dan objek budaya Iranun di Sabah*. Tesis Phd. (Tidak diterbitkan). Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu.
- Ismail Ibrahim. (2007). *Warisan motif dan corak etnik Sabah*. Kota Kinabalu: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Kutayo, S. (1997). *Sejarah daerah-daerah Yogyakarta*. Yogyakarta: Jakarta.
- Martin, G. E. (1982). *Transformation geometry: An introduction to symmetry*. New York: Springer.

Temu Bual

- Emy Tirow (30). Kampung Rampaian Ulu, Kota Belud.
- Hajah Pandian binti Sulaiman (70). Kampung Rampaian Laut, Kota Belud.
- Kamariah Masdid (41). Kampung Rampaian Ulu, Kota Belud.
- Mas Pantingan Samsul (46). Kampung Rampaian Laut, Kota Belud.
- Pasmin binti Adim (63). Kampung Rampaian Ulu, Kota Belud.

